

'Sistem perolehan aset tentera perlu telus, tinggal cara lama'

Pegawai tertinggi pasukan keselamatan dan pakar teknikal wajar bekerjasama elak unsur rasuah

Oleh Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Seremban: Sistem perolehan terutama membabitkan ketenteraan perlu lebih telus bagi meninggalkan kaedah dan amalan lama yang membawa kepada unsur rasuah, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri, berkata ia juga perlu mengambil kira kerjasama sepenuhnya pegawai tertinggi pasukan keselamatan serta pakar teknikal supaya mereka dapat meninggalkan cara lama yang merosakkan.

Beliau berkata, negara juga tidak mempunyai sejarah perolehan yang sangat membanggakan, bukan saja dalam bidang ketenteraan, malah dalam bidang lain.

Katanya, ada kala, perolehan dibuat kerajaan menjadi ruang dan kesempatan bagi individu tertentu menjadi ejen atau syarikat mengaut keuntungan berlebihan, sekali gus memunggang kekayaan negara.

"Kita ada pasukan tentera, tugas dia pertahankan negara. Kita ada lubuk di situ yang sebenarnya hancurkan kekuatan kita kerana mengaut keuntungan daripada usaha perolehan.

"Paling mutakhir kita dengar mengenai badan risikan, walaupun masih terkawal... menteri

dan Panglima Angkatan Tentera beri jaminan, saya terima baik, tetapi negara seperti Malaysia tidak boleh mudah memaafkan badan risikan tentera terbabit dalam usaha penyeludupan dan pengkhianatan.

"Saya tidak boleh terima orang yang dilatih bekerja yang penuh semangat, kegigihan dan pengorbanan pertahankan negara boleh melakukan kecurangan seperti ini," katanya ketika merasmikan fasiliti pengeluaran baharu Mildef Technologies Sdn Bhd (Mildef) di Sendayan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Pengarah Urusan Mildef, Datuk Seri Mohd Nizam Mohd Kasa.

Perdana Menteri berkata, insiden membabitkan perolehan aset ketenteraan seperti kapal tempur pesisir (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) menjadi bahan lucu selama bertahun-tahun bagi negara.

Beliau berkata, walaupun ia tidak bermakna mereka yang bukan dalam bidang ketenteraan boleh bersikap sedemikian, namun sektor pertahanan negara seharusnya mencerminkan contoh yang baik dan boleh dibanggakan.

Justeru, Anwar berkata, semua pihak termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), selain kepemimpinan tentera sendiri tidak boleh mengambil mudah dan bersikap sambil lewa serta menganggap perbuatan rasuah boleh dipadamkan dengan mudah.

Pada masa sama, Perdana Menteri juga mengingatkan negara tidak boleh terus bergantung kepada aset ketenteraan yang dibina negara luar dalam usaha melengkapkan kesiapsiagaan ke-



Anwar merasmikan fasiliti pengeluaran baharu Mildef Technologies pada majlis yang turut dihadiri Mohamed Khaled (dua dari kanan) dan Aminuddin (dua dari kiri) di Sendayan, semalam.

(Foto BERNAMA)

selamatan negara.

Bina kekuatan dalaman

Ketika negara perlu berbelanja besar untuk memastikan tahap kesiapsiagaan keselamatan dan pertahanan negara lebih mantap dan kukuh, perlu juga ada usaha membina kekuatan dalaman melalui penyelidikan, pengeluaran oleh sektor swasta.

Katanya, ia boleh dilaksanakan dengan sokongan penuh oleh Kementerian Pertahanan dan semua kementerian lain, termasuk membabitkan penyelidikan di universiti supaya Malaysia mampu membina kekuatan industri pertahanan tempatan.

Beliau turut menyarankan perolehan aset termasuk pertahanan dibuat melalui rundingan dengan kerajaan luar bagi mencapai per-

janjian yang lebih baik berbanding menggunakan khidmat ejen atau syarikat pembekal.

Rundingan antara kerajaan juga mengurangkan kos perolehan, selain membolehkan pertukaran teknologi serta latihan yang diperlukan.

Katanya, kerajaan juga boleh merundingkan syarat tertentu selain tenaga kerja yang akan dilantik.

"Umpamanya bila ada gempa di Turkiye, jadi kita segera bergegas ke sana. Jadi jumpa Presiden Erdogan, sahabat saya dan kita bincang juga masa itu.

"Tentera laut beritahu saya, tak ada kapal yang mampu jaga negara kita kerana maritim, dengan pelantar minyak dan sebagainya.

"Jadi saya terus bagi tahu ke-

pada Recep Tayyip Erdoan ada tak kapal yang siap.

"Ini saya nak tegaskan yang juga diulang oleh Menteri dan Kementerian Pertahanan. Sedapat boleh runding di antara, kalau nak beli dari luar, runding kerajaan dengan kerajaan secara terus.

"Dia boleh turunkan kos dan kita boleh letakkan syarat. Mengapa lambat? Berapa orang nak dilantik? Boleh tak masuk dalam bidang penyelidikan? Pertukaran teknologi itu boleh dibuat secara terus," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, mesyuarat Kabinet, kelmarin bersetuju Kerajaan Persekutuan menyelesaikan bayaran pampasan tanah Kem Syed Sirajuddin di Gemas, Negeri Sembilan yang tertangguh lebih sedekad